



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepe.com](http://www.ijepe.com)



SOKONGAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR  
KAUNSELING DI MALAYSIA

*SOCIAL SUPPORT AMONG COUNSELING STUDENTS IN MALAYSIA*

Eng Su Yin<sup>1</sup>, Guan Teik Ee<sup>2\*</sup>, Murnizam Halik<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Psikologi & Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: viviiian@live.com

<sup>2</sup> Fakulti Psikologi & Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Malaysia

Email: guanteikee@ums.edu.my

Tel: +60-019-4171285, Fax: +60-088-320101

<sup>3</sup> Fakulti Psikologi & Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: mzam@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 10.01.2023

Revised date: 02.02.2023

Accepted date: 10.03.2023

Published date: 16.03.2023

**To cite this document:**

Eng, S. Y., & Guan, T. E., & Halik, M. (2023). Sokongan Sosial Dalam Kalangan Pelajar Kaunseling Di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (49), 229-238.

DOI: 10.35631/IJEPC.849016

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap sokongan sosial dalam kalangan pelajar kaunseling di tujuh buah universiti awam di Malaysia (N = 299). Dapatan kajian menunjukkan skor min sokongan sosial pelajar kaunseling adalah tinggi iaitu 5.34 (SP = 1.41). Sokongan sosial daripada aspek keluarga menunjukkan skor yang lebih tinggi berbanding dengan aspek rakan-rakan dan aspek orang yang signifikan. Pernyataan yang paling dipersetujui oleh peserta dalam aspek sokongan sosial adalah item 3 "Keluarga saya benar-benar cuba membantu saya," disetujui oleh 41.8% peserta. Manakala pernyataan kedua yang paling dipersetujui ada dua iaitu, item 4 "Saya dapat bantuan emosi dan sokongan yang saya perlukan daripada keluarga saya," dan item 11 "Keluarga saya bersedia membantu saya dalam membuat keputusan," ditanda oleh 35.1% orang peserta. Ini menunjukkan sokongan dari keluarga merupakan sokongan sosial utama pelajar kaunseling di Malaysia. Sokongan sosial daripada ahli keluarga adalah sumber yang sentiasa menyediakan bantuan semasa krisis. Bagi perbezaan sokongan sosial antara jantina pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan sosial antara jantina  $t(297) = 2.42, p > .05$ . Dapatan ini menunjukkan kedua-dua jantina adalah sama dalam sokongan sosial semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Dapatan-dapatan kajian ini diharapkan boleh membantu pihak-pihak yang berkenaan seperti penggubal dasar pendidikan atau pihak institusi pengajian tinggi untuk menyediakan program-program yang bersesuaian bagi menjalinkan hubungan sokongan sosial terutamanya dari segi keluarga. Ini kerana kajian ini menunjukkan aspek keluarga merupakan aspek yang paling penting dalam sokongan sosial pelajar.

**Kata Kunci:**

Sokongan Sosial, Pelajar Kaunseling, Jantina

**Abstract:**

The purpose of this research is to look into the level of social support among counselling students at seven Malaysian public universities (N = 299). The findings of the study show that the mean score of counseling students' social support is high which is 5.34 (SP = 1.41). Social support from the family aspect shows a higher score compared to the aspect of friends and the aspect of significant people. The statement most agreed by the participants in the aspect of social support is item 3 "My family really tries to help me," agreed by 41.8% of the participants. While the second most agreed upon statement is two, item 4 "I get the emotional help and support I need from my family," and item 11 "My family is ready to help me in making decisions," marked by 35.1% of the participants. This shows support from family is the main social support for counseling students in Malaysia. Social support from family members is a source that always provides help during a crisis. As for the difference in social support between genders, the findings of the study show that there is no significant difference in social support between genders ( $t(297) = 2.42, p > .05$ ). This finding shows that both genders are equal in social support. The findings of this study are expected to help the parties concerned such as educational policy makers or the higher learning institutions to prepare appropriate programs to establish social support relationships especially in terms of family. This is because this study shows that the family aspect is the most important aspect in the social support of students.

**Keywords:**

Social Support, Counselling Students, Gender

**Pengenalan**

Sokongan sosial ditakrifkan sebagai kekerapan orang lain memberikan tindakan sokongan (Santini et al., 2015) terhadap seseorang individu. Sokongan sosial juga boleh difahamkan sebagai perasaan subjektif untuk disokong semasa tempoh pengajian di universiti (Santini et al., 2015). Persepsi sokongan sosial secara lazimnya merujuk kepada bagaimana orang ramai menganggap keluarga, rakan dan orang yang signifikan sebagai sumber sokongan material dan psikologi semasa menghadapi kesukaran dalam kehidupan, terutamanya semasa Tempoh Kawalan Pergerakan (Siedlecki et al., 2014). Secara keseluruhan, sokongan sosial adalah faktor utama untuk mengenalpasti keadaan pelajar sarjana muda di universiti (Siedlecki et al., 2014; Kostak et al., 2013; Shensa et al., 2020).

Proses penyesuaian diri semasa pengajian di universiti adalah kompleks dan dinamik, ia melibatkan kedua-dua tuntutan peribadi dan sosial. Cohen dan Underwood (2000) mendefinisikan bahawa sokongan sosial merupakan proses interaksi dalam perhubungan yang boleh meningkatkan daya tahan, penghargaan, kepunyaan, dan kecekapan melalui pertukaran sumber fizikal atau psikososial yang sebenar atau yang dirasakan. Melati and Mariani (1998) pula berpendapat bahawa tekanan tambahan seperti tekanan dari rakan sebaya, keluarga, dan ibu bapa adalah faktor sejagat yang bakal menyumbang kepada peningkatan tahap tekanan dalam kalangan belia di Malaysia. Oleh itu, remaja menghadapi konflik dengan ibubapa,

tugas sekolah dan proses penyesuaian diri dengan rakan sebaya mereka. Banyak kajian telah menunjukkan bahawa sokongan sosial mampu memberikan manfaat kepada kesihatan fizikal dan psikologi seseorang dengan mengurangkan kesan tekanan tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini adalah salah satu topik yang agak penting untuk dikaji dalam kalangan pelajar kaunseling.

Sokongan sosial daripada keluarga adalah penting bagi pelajar universiti. Pengalaman sosial yang negatif dalam hubungan keluarga adalah berkait rapat dengan tekanan pelajar (Holder & Klassen, 2009). Flynn dan MacLeod (2015) mengkaji ke atas 39 pelajar universiti Mindanao mendapati bahawa faktor keluarga adalah salah satu sumber utama untuk menentukan tahap kebahagiaan pelajar tersebut. Menurut beberapa hasil kajian yang lain pula, ibu bapa yang prihatin dan membekalkan komunikasi yang baik akan meningkatkan kecekapan sosial (Wintre & Sugar, 2000), keberkesanan pengurusan tentang diri (Schunk, 1985), penyesuaian akademik (Hickman et al., 2000) dan purata nilai gred kumulatif (GPA) (Wintre & Gula, 2000) pelajar. Sebaliknya, hubungan ibu bapa atau gaya keibubapaan yang kurang berkomunikasi dengan anak-anak didapati tidak memberi kesan yang baik ke atas GPA, sosial, atau penyesuaian emosi peribadi (Hickman et al., 2000). Selain itu, konflik keluarga didapati boleh menjejaskan proses penyesuaian pelajar semasa di universiti (Hickman, Bartholomae, & McKenry (2000). Oleh itu, sokongan keluarga di universiti mampu membantu mewujudkan pengalaman universiti yang baik.

Sokongan sosial daripada rakan-rakan pelajar mampu memberikan pengaruh melalui interaksi pelajar dari segi perkembangan akademik, pemerolehan pengetahuan dan harga diri. Perhubungan persahabatan yang baik dapat meningkatkan kehidupan sosial, kejayaan dan kepuasan hidup. Hubungan persahabatan pelajar dapat mengekalkan sokongan sosial yang stabil. Namun, dalam tiga tahun yang lepas, keadaan pandemik telah menghadkan peluang interaksi bersama rakan secara bersemuka. Terdapat kajian mengesahkan bahawa 60% pelajar mengalami kesunyian dan pengasingan semasa pandemik kesan daripada COVID-19 (Wu et al., 2020). Oleh itu, sokongan sosial daripada persahabatan adalah perkara yang dikira mencabar dalam kalangan pelajar terutamanya semasa pelajar meninggalkan rumah untuk belajar di tempat lain.

Jantina memainkan peranan yang penting dari segi penerimaan sokongan sosial. Peranan jantina telah ditakrifkan sebagai satu konstruk utama dalam sokongan sosial, seperti yang dinyatakan dalam kajian Shettima (1996). Menurut Sharir et al. (2007) pula, kualiti hidup pesakit psikiatri perempuan lebih cenderung menerima sokongan sosial daripada rakan berbanding lelaki. Sebagai contoh, perempuan dapat pelawat daripada rakan mereka yang lebih kerap dan lebih lama berbanding dengan lelaki. Lawatan yang lebih lama mungkin menjadi petunjuk kepada pesakit tentang jumlah penjagaan dan sokongan yang diberikan oleh rakan-rakan. Selain itu, semasa lawatan lebih lama, lebih banyak pergaulan, perasaan dan fikiran boleh dikongsikan, menjadikan keseluruhan lawatan lebih bermakna kepada perempuan. Dapatan ini juga disokong dalam kajian Cumsille dan Epstein (1994) bahawa perempuan didapati menerima lebih banyak sokongan sosial yang dirasakan daripada rakan-rakan mereka berbanding lelaki. Keadaan ini boleh dijelaskan bahawa perempuan lebih beremosi berbanding lelaki; dengan itu mereka mungkin dapat berkongsi perasaan mereka dengan lebih bebas dan mudah dengan rakan-rakan.

Lelaki yang berkongsi perasaan biasanya dianggap lemah. Berkongsi perasaan akan dianggap sebagai tanda kelemahan. Oleh itu, lelaki cenderung untuk mendapatkan sokongan sosial yang lebih rendah berbanding dengan perempuan. Selain itu, Kendler et al. (2005) yang mengkaji terhadap 1,057 pasangan kembar yang berlainan jantina juga menyatakan bahawa perempuan cenderung mempunyai hubungan sosial yang lebih besar berbanding lelaki. Mereka juga menekankan bahawa perempuan mempunyai sokongan sosial yang lebih tinggi kerana mereka mencari sokongan emosi dalam perhubungan mereka, manakala lelaki hanya menerima sokongan sosial daripada pasangan dan rakan sekerja mereka sahaja. Oleh yang demikian, perkara ini boleh disimpulkan bahawa sokongan sosial yang dirasakan lebih kerap dalam kalangan perempuan berbanding dengan lelaki. Perempuan yang lebih berkemungkinan kekal dalam kumpulan yang sama dan berkongsi isu peribadi dan mendapat sokongan sosial lebih tinggi berbanding dengan lelaki. Secara kesimpulannya, dari segi kecenderungan menerima sokongan sosial, jantina berkemungkinan besar mempunyai perbezaan di antara satu sama lain.

Sokongan sosial daripada rakan-rakan adalah aspek yang penting untuk membantu pelajar mengatasi cabaran atau masalah peribadi semasa di universiti (Awang et al., 2014). Merianos et al. (2012) menekankan bahawa membina persahabatan dan hubungan kekeluargaan yang berkualiti adalah sangat penting dalam meningkatkan tahap kebahagiaan dan kerjaya dalam kalangan pelajar universiti (King et al., 2014). Dapatan ini disokong oleh Ahern dan Norris (2011), mengatakan bahawa tahap sokongan sosial yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar akan mempengaruhi tahap kebahagiaan mereka. Namun, setakat ini masih kurang kajian terhadap tahap sokongan sosial khususnya dalam kalangan pelajar kaunseling (Hensley et al., 2003; Buchbinder, 2007). Kajian terhadap sokongan sosial dalam kalangan pelajar kaunseling akan memberi kesan kepada kerjaya dan motivasi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunseling yang baik. Oleh itu, mengkaji tahap sokongan sosial dalam kalangan pelajar kaunseling universiti amat memberi manfaat dan sangat diperlukan.

Kesimpulannya, kajian terhadap sokongan sosial dalam kalangan pelajar kaunseling dilihat penting untuk dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian dalam konteks tempatan adalah sangat terhad. Oleh itu adalah perlu untuk menyelidik mengambil inisiatif untuk mengkaji tahap sokongan sosial terhadap pelajar kaunseling universiti di Malaysia.

### **Objektif Kajian**

1. Untuk mengenalpasti tahap sokongan sosial dalam kalangan pelajar kaunseling.
2. Untuk mengenalpasti pernyataan yang paling ramai pelajar kaunseling setuju tentang sokongan sosial dalam *The Multidimensional Scale of Perceived Social Support*.
3. Untuk mengenalpasti sokongan sosial (samada keluarga, rakan dan orang yang signifikan) yang paling banyak diterima oleh pelajar kaunseling.
4. Untuk mengkaji perbezaan jantina terhadap sokongan sosial dalam kalangan pelajar kaunseling.

### **Metodologi**

Berikut membincangkan metodologi termasuk instrumentasi, pemilihan sampel dan prosedur dalam kajian ini.

### **Instrumentasi**

Sokongan sosial diukur oleh *The Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS) oleh Zimet et al. (1988). Versi ini terdiri daripada 12 item. Versi bahasa Inggeris telah digunakan secara meluas. Skala telah menunjukkan sifat psikometrik yang memuaskan.

Terdapat 12 item soal selidik ini dengan skala 7 mata (daripada 1 = sangat tidak setuju hingga 7 = sangat setuju) mengukur tiga sumber sokongan iaitu keluarga, rakan dan orang yang signifikan. Jumlah skor adalah antara 12 hingga 84. Selepas dibahagi dengan 7, skor min antara 1-2.9 dikira sokongan sosial yang rendah, skor min antara 3-5 dikira sokongan sosial yang sederhana, manakala skor min antara 5.1-7 adalah sokongan sosial yang tinggi (Zimet et al., 1988). MSPSS asal telah diterjemahkan ke dalam versi Bahasa Melayu (MSPSS-M) oleh Ng et al. (2010). MSPSS-M mempunyai ciri psikometrik yang sangat baik dan alfa kronbach yang tinggi iaitu 0.88, 0.82 dan 0.94 untuk keluarga, rakan dan orang yang signifikan masing-masing dalam kalangan pelajar (Ng et al., 2010). Tambahan pula, analisis faktor pengesahan (CFA) menunjukkan struktur tiga faktor yang teguh untuk sokongan keluarga, rakan-rakan, dan orang yang signifikan.

**Jadual 1: Skala Multidimensi Bagi Sokongan Sosial**

Nilai	Item	Bil.Item
Keluarga	3, 4, 8, 11	4
Rakan-rakan	6, 7, 9, 12	4
Orang yang signifikan	1, 2, 5, 10	4

Kajian ini mempunyai alfa kronbach sebanyak .70. Ini menunjukkan skala yang digunakan dalam kajian ini mempunyai tahap ketekalan dalaman yang boleh diterima.

#### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada tujuh universiti awam Malaysia yang menawarkan program Sarjana Muda Kaunseling. Universiti-universiti ini diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Jadual 2 menunjukkan jumlah populasi daripada tujuh buah universiti, yang terdiri daripada pelajar kaunseling sarjana muda tahun satu hingga empat.

**Jadual 2: Jumlah Populasi dan Sampel**

Universiti	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Jumlah Populasi
UM	22	30	49	42	121
UMT	50	32	43	25	150
UNIMAS	52	63	55	58	228
USIM	53	71	59	80	263
UPM	20	20	20	20	80
UMS	33	42	73	39	187
UUM	47	80	70	57	254
<b>Jumlah:</b>					<b>1283</b>

Sumber: Majlis Perwakilan Pelajar Dan Kelab Kaunseling Daripada Setiap Universiti Pada Semester 2/2020.

Memandangkan populasinya ialah 1283, untuk memenuhi tahap keyakinan minima sebanyak 95%, kajian ini memerlukan sekurang-kurangnya 297 sampel (Krejcie & Morgan, 1970). Bagaimanapun, 299 soal selidik telah diisi dan dikembalikan.



### Prosedur

Untuk pengumpulan data, kebenaran bertulis telah dipanjangkan kepada Dekan setiap Fakulti, menerangkan tujuan kajian dan meminta kebenaran untuk mengumpul data. Borang *Google* digunakan untuk mendapat data kerana pengumpulan data dilakukan semasa pandemik COVID-19. Borang *Google* ini boleh disiapkan dalam masa lebih kurang 20 minit. Majlis Perwakilan Pelajar dan Kelab Kaunseling setiap universiti membantu menghantar borang tersebut kepada pelajar. Sebelum mula menjawab soal selidik, peserta perlu membaca pengenalan di muka surat pertama tentang tujuan dan kerahsiaan kajian. Untuk mengekalkan kerahsiaan nama pelajar, soal selidik tidak memerlukan peserta untuk meletakkan nama, nombor matrik atau nombor kad pengenalan mereka. Kajian ini adalah secara sukarela sepenuhnya dan tiada insentif ditawarkan untuk melengkapkan soal selidik. Jantina terdiri daripada 20.74% (62) orang lelaki dan 79.26% (237) orang perempuan.

### Keputusan

Berdasarkan Skala Likert, 1 mewakili sangat tidak setuju dan 7 mewakili sangat setuju, selepas terbalikkan skor negatif, Jadual 3 menunjukkan secara purata, skor min sokongan sosial pelajar kaunseling ialah 5.34 (SP = 1.41). Mengikut pengiraan Zimet et al. (1988), skor ini adalah tinggi sokongan sosial.

Sokongan Sosial	N	Min	Sisihan Piawai
Jumlah	299 (100%)	5.34	1.41

Jadual 4 menunjukkan bahawa item yang paling ramai pelajar setuju tentang sokongan sosial ialah item 3 "Keluarga saya benar-benar cuba membantu saya," disetujui oleh sebanyak 41.8% peserta. Item kedua yang sangat dipersetujui oleh pelajar kaunseling ada dua, iaitu item 4 " Saya mendapat bantuan emosi dan sokongan yang saya perlukan daripada keluarga saya, " dan item 11 "Keluarga saya bersedia membantu saya dalam membuat keputusan,' masing-masing disetujui oleh sebanyak 35.1% peserta .

**Jadual 4: Item Sokongan Sosial**

Pernyataan	1	2	3	4	5	6	7
SS01 Ada orang istimewa yang ada ketika saya memerlukan.	2.7	2.0	1.7	6.4	73.2	5.7	8.4
SS02 Ada orang istimewa yang boleh saya kongsi kegembiraan dan kesedihan saya.	4.0	1.7	5.4	9.7	22.1	29.4	27.8
SS03 Keluarga saya benar-benar cuba membantu saya.	0.7	0	2.3	11.4	15.1	28.8	41.8
SS04 Saya mendapat bantuan emosi dan sokongan yang saya perlukan daripada keluarga saya.	0.7	1.0	3.7	14.7	16.4	28.4	35.1
SS05 Saya mempunyai seseorang yang istimewa	5.7	2.7	4.7	16.7	18.1	27.8	24.4

	yang merupakan sumber penghibur saya.							
SS06	Rakan-rakan saya benar-benar cuba membantu saya.	1.0	0.7	5.4	14.7	30.8	27.4	20.1
SS07	Saya boleh bergantung kepada rakan saya apabila keadaan menjadi buruk.	3.0	3.7	6.4	22.1	29.4	22.1	13.4
SS08	Saya boleh bercakap tentang masalah saya dengan keluarga saya.	4.0	4.0	12.4	16.1	21.1	20.7	21.7
SS09	Saya mempunyai kawan dengan siapa saya boleh berkongsi kegembiraan dan kesedihan saya.	1.3	2.7	5.0	16.4	21.4	27.4	25.8
SS10	Ada orang yang istimewa dalam hidup saya yang peduli terhadap perasaan saya.	4.0	4.7	5.0	17.1	17.4	24.1	27.8
SS11	Keluarga saya bersedia membantu saya dalam membuat keputusan.	1.0	1.7	5.4	8.4	16.4	32.1	35.1
SS12	Saya boleh bercakap tentang masalah saya dengan kawan saya.	3.0	1.3	6.4	13.4	26.1	26.8	23.1

Nilai Skor : 1= Telalu Sangat Tidak Bersetuju, 2= Sangat Tidak Bersetuju, 3= Agak Tidak Bersetuju, 4= Neutral, 5= Agak Bersetuju, 6= Sangat Bersetuju, 7= Terlalu Sangat Bersetuju.

Untuk membandingkan bentuk sokongan sosial yang lebih tinggi, Jadual 5 menunjukkan sokongan daripada keluarga adalah lebih tinggi ( $M=22.34$ ,  $SD= 4.73$ ) berbanding dengan rakan-rakan ( $M=20.97$ ,  $SD=4.74$ ) dan orang yang signifikan ( $M=20.82$ ,  $SD = 4.91$ ).

**Jadual 5: Bandingkan Item Sokongan Sosial**

Aspek	N	Min	Max	Min	Sisihan Piawai
Keluarga	299	4.00	28.00	22.34	4.73145
Rakan-rakan	299	4.00	28.00	20.97	4.73837
Orang yang signifikan	299	4.00	28.00	20.82	4.91842

Bagi perbezaan tahap sokongan sosial antara jantina, Jadual 6 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antarai lelaki ( $M= 63.8$ ,  $SP= .11.93$ ), dan perempuan ( $M=64.2$   $SP=10.91$ ;  $t(297)= 2.42$ ,  $p > .05$ ).

**Jadual 6: Sokongan Sosial Antara Jantina**

Jantina	N	Min	SP	t	df	P (2-tailed)
Lelaki	62	63.8	11.93	.242	297	.81
Perempuan	237	64.2	10.91			

### Perbincangan

Min sokongan sosial antara pelajar sarjana muda kaunseling di Malaysia adalah 5.34 (SP = 1.41). Keputusan ini adalah sokongan sosial yang tinggi mengikut Zimet et al. (1988). Dapatan ini juga menggambarkan lebih dari separuh pelajar kaunseling mendedahkan sokongan sosial yang baik. Apabila dilihat dengan lebih terperinci, sokongan sosial keluarga mempunyai kesan yang lebih tinggi dalam kalangan tiga pemboleh ubah sokongan sosial.

Pernyataan sokongan sosial samada keluarga, rakan-rakan atau orang yang signifikan yang paling dipersetujui ialah item 3 "Keluarga saya benar-benar cuba membantu saya" (41.8%) dan dua item yang lain iaitu item 4 'Saya mendapat bantuan emosi dan sokongan yang saya perlukan daripada keluarga saya' (35.1%) dan item 11 "Keluarga saya sedia membantu saya dalam membuat" (35.1%). Ini juga merupakan bukti yang menunjukkan bahawa keluarga merupakan sokongan sosial yang lebih tinggi berbanding dengan rakan-rakan dan orang yang signifikan semasa PKP.

Keputusan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam sokongan sosial antara jantina. Kajian ini adalah tidak selaras dengan kajian terdahulu (Shettima, 1996; Cumsille & Epstein, 1994). Ini berkemungkinan besar kerana status jantina di Malaysia adalah sama rata. Pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap keintiman yang sama dengan keluarga mereka. Pada masa yang sama, pelajar kaunseling tidak kira lelaki atau perempuan mengalami kesukaran yang sama dalam pembelajaran dalam talian dan melakukan kerja rumah semasa pandemik, iaitu semasa data dikumpulkan. Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam persepsi sokongan sosial antara jantina.

### Kesimpulan

Dapatan kajian ini diharap dapat membantu para institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam mengenal pasti amalan intervensi psikologi berasaskan bukti untuk membantu dan menyediakan pelajar untuk tahap sokongan sosial yang lebih baik. Ini kerana sokongan sosial adalah penting terutamanya apabila menghadapi masa sukar, seperti dalam situasi pandemik. Oleh itu, diharapkan dapatan kajian ini dapat menyediakan garis panduan kepada penggubal dasar mengenai mekanisme yang berpotensi untuk membantu pelajar menjalankan persahabatan dengan mewujudkan budaya masyarakat sokong-menyokong samada secara fizikal atau secara maya.

### Rujukan

- Ahern, N. R., & Norris, A. E. (2011). Examining factors that increase and decrease stress in adolescent community college students. *Journal of Pediatric Nursing*, 26(6), 530-540.
- Awang, M. M., Mydin Kutty, F., & Ahmad, A. R. (2014). Perceived social support and well being: First-year student experience in university. *International Education Studies*, 7(13), 261-270.
- Cohen, S. Gottlieb, B. H., & Underwood, L. G. (2000). Social relationships and health. In S. Cohen, L. G. Underwood, & B. H. Gottlieb (Eds.), *Social support measurement and*



- intervention: A guide for health and social scientists (1),3-25. Oxford: Oxford University Press.
- Cumming, J. (2010). Doctoral enterprise: A holistic conception of evolving practices and arrangements. *Studies in Higher Education*, 35, 25-39.
- Cumsille, P. E., & Epstein, N. (1994). Family cohesion, family adaptability, social support, and adolescent depressive symptoms in outpatient clinic families. *Journal of Family Psychology*, 8, 202–214
- Dunst, C. J., Trivette, C. M., & Thompson, R. B. (1990). Supporting and strengthening family functioning: Toward a congruence between principles and practice. *Prevention in Human Services*, 9, 19-43.
- Feeney, B. C., & Collins, N. L. (2014). A new look at social support: a theoretical perspective on thriving through relationships. *Personality and social psychology review : an official journal of the Society for Personality and Social Psychology, Inc*, 19(2), 113–147.
- Flynn, D., & MacLeod, S.P. (2015). Determinants of Happiness in Undergraduate University Students. *College student journal*, 49, 452-460.
- Hickman, G. P., Bartholomae, S., & McKenry, P. C. (2000). Influence of parenting styles on the adjustment and academic achievement of traditional college freshmen. *Journal of College Student Development*, 41, 41-54.
- Holder, M.D., & Klassen, A. (2009). Temperament and happiness in children. *Journal of Happiness Studies*, 11, 419-439.
- Jeong, Heisawn & Hmelo-Silver, Cindy & Jo, Kihyun. (2019). Ten Years of Computer-Supported Collaborative Learning: A meta-analysis of CSCL in STEM education *Educational Research Review*. 28. 2005-2014.
- Kendler KS, Prescott CA, Myers J, Neale MC: The structure of genetic and environmental risk factors for common psychiatric 440 *Am J Psychiatry* 162:3, March 2005 Philosophical Structure For Psychiatry. 2003(60), 929–937
- King, R.A., Racherla, P. and Bush, V.D. (2014), What we know and don't know about online word-of-mouth: a review and synthesis of the literature, *Journal of Interactive Marketing*, 28(3), 167-183.
- Kong, Feng & Zhao, Jingjing & You, Xuqun. (2013). Self-Esteem as Mediator and Moderator of the Relationship Between Social Support and Subjective Well-Being Among Chinese University Students. *Social Indicators Research*. 112. 151-161.
- Kong, F., Wang, X., & Zhao, J. (2014). Dispositional mindfulness and life satisfaction: The role of core self-evaluations. *Personality and Individual Differences*, 56, 165–169.
- Koksal Akyol, Aysel & Sali, Güneş. (2013). A Study on the Perfectionist Personality Traits and Empathic Tendencies of Working and Non-working Adolescents across Different, *Journal of Working Adolescent Research*,36, 110-116.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- Merianos, A. L, King, K. A., & Vidourek, R. A. (2012). Does perceived social support play a role in body image satisfaction among college students? *Journal of Behavioral Health*, 1(3), 178-184.
- Ng, Eddy & Schweitzer, Linda & Lyons, Sean. (2010). New Generation, Great Expectations: A Field Study of the Millennial Generation. *Journal of Business and Psychology*. 25. 281-292.
- Santini, Z. I., Koyanagi, A., Tyrovolas, S., Mason, C., and Haro, J. M. (2015). The association between social relationships and depression: a systematic review. *J. Affect. Disord.* 175, 53–65.

- Schunk, D. H. (1985). Self-efficacy and classroom learning. *Psychology in the Schools*, 22(2), 208-223
- Sharir, D., Tanasescu, M., Turbow, D., & Maman, Y. (2007). Social support and quality of life among psychiatric patients in residential homes. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 11(1), 85-90.
- Sharir, D., Tanasescu, M., Turbow, D., & Maman, Y. (2007). Social support and quality of life among psychiatric patients in residential homes. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 11(1), 85-90.
- Sharir, D., Tanaseseu, M., Turbow, D., & Maman, Y. (2007). Social support and quality of life among psychiatric patients in residential homes. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 11 (1), 85-90.
- Shensa A, Sidani JE, Lin L.y, Bowman ND, Primack BA, 2016. Social media use and perceived emotional support among US young adults. *J. Commun. Health* 41, 541–549.
- Shettima, A.G. (1996). Gender Issues in Monitoring the Environment: The case of Rural Nigeria. A paper presented at the 39th Annual conference of the Nigerian Geographical Association, 5th – 8th May, at University of Maiduguri.
- Siedlecki, Karen & Salthouse, Timothy & Oishi, Shigehiro & Mirpuri, Sheena. (2014). The Relationship Between Social Support and Subjective Well-Being Across Age. *Social Indicators Research*. 117. 10.
- Spokane, A. R., & Cruza-Guet, M. C. (2005). Holland's theory of vocational personalities in work environments. In S. D. Brown and R. W. Lent (Eds.), *Career development and counseling: Putting theory and research to work* 24-41. New York: Wiley.
- Tao, S., Dong, Q., Pratt, M. W., Hunsberger, B., & Pancer, S. M. (2000). Social support: Relations to coping and adjustment during the transition to university in the Peoples Republic of China. *Journal of Adolescent Research*, 5(1), 123-144.
- Wintre, M. G., & Sugar, L. A. (2000). Relationships with parents, personality, and the university transition. *Journal of College Student Development*, 41, 202-214.
- Wintre, M.G. and Yaffe, M. (2000) First-Year Students' Adjustment to University Life as a Function of Relationships with Parents. *Journal of Adolescent Research*, 15, 9-37.
- Wu, Yi-Chia; Chen, Ching-Sunga; Chan, Yu-Jiuna,. The outbreak of COVID-19: An overview. *Journal of the Chinese Medical Association* 83(3), 217-220, March 2020.
- Zimet, G. D., Dahlem, N. W., Zimet, S. G., and Farley, G. K. (1988). The multidimensional scale of perceived social support. *J. Pers. Assess.* 52, 30–41.